# MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU
# KENYATAAN TENDER

Pelawaan ini adalah terbuka kepada firma perunding yang **berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang** seperti di bawah untuk mengambil bahagian di dalam pelawaan berikut :-

| NO TENDER | BUTIR-BUTIR PELAWAAN | KOD BIDANG | TARIKH TUTUP TENDER (12.00 TENGAHARI) | SYARAT-SYARAT UTAMA PELAWAAN |
|---|---|---|---|---|
| **MBJB/P/ 1/2020 (Tender Semula)** | **PERKHIDMATAN PERUNDING LANDSKAP BAGI PENYEDIAAN PELAN INDUK LANDSKAP MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU** | **330205 (Arkitek Landskap)** | **29 Sept 2020 (Selasa)** | Syarat-syarat yang **PERLU** dipenuhi bagi membolehkan pembelian Dokumen Pelawaan.<br>1. Berdaftar Dengn Kementerian Kewangan Dan Tempoh Pendaftaran Masih Sah Serta Berdaftar Di Bawah Kod Bidang Yang Ditetapkan.<br>2. Berdaftar dengan **"Institute Of Landscape Architects Malaysia (ILAM)**" dan tempoh pendaftaran masih sah semasa tarikh tutup tender.<br>3. Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), bertaraf Sendirian Berhad dan tempoh pendaftaran masih sah.<br>4. Bagi tujuan pengesahan, **Sijil hendakah dimuatnaik ke dalam sistem iperolehan semasa TAKLIMAT DALAM TALIAN dan sijil asal** hendaklah dibawa semasa pembelian dokumen.<br>5. **WAJIB** menghadiri taklimat tender seperti berikut :<br><br>**PERKHIDMATAN PERUNDING LANDSKAP BAGI PENYEDIAAN PELAN INDUK LANDSKAP MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**<br><br>Tarikh : 6 September 2020 (Ahad)<br>Masa : **TAKLIMAT SECARA DALAM TALIAN**<br>Tempat : Bahagian Taman Awam, Jabatan Landskap, Pejabat Hutan Bandar, Jalan Tasek Utara, Johor Bahru |

Syarat-syarat Am, Arahan dan Maklumat lanjut mengenai pelawaan ini adalah dijelaskan di dalam Dokumen Pelawaan dan boleh dibeli di **Kaunter Jualan (berhampiran lobi utama aras bawah, Pejabat MBJB Jalan Dato' Onn** daripada pukul **8.00 pagi sehingga 1.00 tengahari dan daripada pukul 2.00 petang sehingga 5.00 petang** bermula pada **7 September 2020 hingga 27 September 2020**.

Bagi tujuan di atas, sila bawa bersama **SIJIL VIRTUAL** dengan Kementerian Kewangan Malaysia, Lembaga Profesion berkaitan dan SSM yang sah tempoh pendaftaran serta satu salinan pendua sijil-sijil berkenaan untuk simpanan dan rekod pejabat ini semasa **membeli dokumen pelawaan**. Dokumen pelawaan akan dikeluarkan kepada wakil-wakil firma perunding yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil-wakil firma perunding hendaklah membawa **SIJIL VIRTUAL.**

Dokumen Pelawaan dijual dengan harga **RM300.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Sahaja)** bagi setiap satu (1) set. Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang/Deraf Bank dari institusi Bank yang diiktiraf Malaysia atas nama **Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Johor Bahru.**

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berasingan yang berlakri dan ditandakan dengan jelas di sebelah kiri setiap sampul surat berkenaan **"Cadangan Teknikal'** dan **"Cadangan Kos"** beserta **No.Tender** dan **Tajuk** dan dimasukkan ke dalam Peti Tender seperti yang dinyatakan di atas di alamat :-

Tempat Serahan Dokumen : **Peti Tender, Aras 6,**
**Bahagian Ukur Bahan & Kontrak,**
**Menara MBJB**

Cadangan Teknikal dan cadangan Kos tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender **tidak lewat daripada jam 12.00 tengahari** mengikut tarikh tutup tender yang telah ditetapkan di atas. Dokumen Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos yang lewat diterima **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.

**DATO' HAJI ADIB AZHARI BIN DAUD**
Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.